

RENOVATION

Oleh TAN SRI SHEIKH ABDULLAH

“Mana budak-budak muda?” kata Dr. M di sidang pertama Kabinet barunya...

“SIDANG pertama Kabinet baru,” kata sebuah kepala di muka hadapan Berita Harian Mei 6, 1982. Berita selanjutnya beriklan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memperkeruahkan mesyuarat Kabinetnya yang pertama selepas pilihanraya umum.

Perdana Menteri tiba di Bilik Gerakan Negara, tempat mesyuarat diadakan jam 9.55 pagi — lima minit sebelum mesyuarat dimulakan.

Bellau terus ke sebuah bilik di sebelah bilik persidangan di mana kebanyakan Menteri Kabinet sedang berkumpul.

Menteri-menteri itu bersalam di antara mereka mengucapkan tahniah atas kejayaan masing-masing dalam pilihanraya itu.

Kata-kata pertama Perdana Menteri setibanya di bilik persidangan ialah: “Mana budak-budak muda?”, mungkin bellau menjujukan kata-kata itu kepada tiga orang menteri baru.

Mereka yang dimaksudkan ialah Menteri Penerangan, Encik Mohamad Adib Haji Adam, Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Laib Yatim dan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Mak Hon Kam.

Datuk Seri Dr. Mahathir berjenaka dengan rakan-rakannya sebelum mereka berincang.

Datuk Musa sambil berjenaka memberitahu Encik Adib bahawa kamera televisyen akan menghalakan fokusnya kepada Encik Adib kerana bellau sekarang menjadi Menteri Penerangan.

Encik Adib menjawab, bellau telahpun mengarahkan kakitangan RTM supaya jangan menghalai fokus kepada bellau sahaja kerana bellau tidak mahu publisiti yang berlebihan.

Komen Penulis:

Maka dengan ini teringatlah penulis kepada

sebuah cerita “lama” mengenai sabjek yang sama, iaitu publisiti melalui T.V.

Pada satu petang, di waktu orang-orang politik sibuk berkumpul sebelum pilihanraya umum tahun 1963, penulis ternampak satu kumpulan “budak-budak muda” (dalam konteks ini bermaksud budak-budak sekolah yang berumur di antara 10 dan 14 tahun) yang sedang asyik bermain golf berhampiran satu blok rumah pangsapuri, yang terletak di Ibu kota.

Maka penulis bertanya kepada “budak-budak muda” itu. Apakah kerja yang mereka paling sukai bila mereka dewasa nanti. Seorang daripada mereka (yang, nampaknya, tertua sekali dari yang lain) senyum lebar dan menjawab, “Saya mahu menjadi Menteri Penerangan.” Penulis bertanya pula kepadanya, “Mengapa Menteri Penerangan dan tidak Menteri lain?” Budak muda menjawab, “Kerana kalau saya bertugas sebagai Menteri Penerangan, saya akan berpeluang menjadi bintang T.V. setiap malam? “Apa pula halnya dengan awak?” kata penulis kepada seorang budak lain yang berdiri di sebelah budak pertama tadi. “Saya pun mahu menjadi Menteri Penerangan,” jawabnya.....

Begitulah, nampaknya, wahai pembaca yang dihormati perubahan cara pemikiran di kalangan orang-orang muda — dalam tahun 60’an dahulu ada orang muda yang bercita-cita menjadi Menteri Penerangan—semata-mata kerana mahukan publisiti melalui T.V. setiap malam, tapi dalam tahun 80’an ini ada pula Menteri Penerangan (dari golongan orang muda) yang tidak mahu publisiti yang berlebihan melalui T.V.

☆☆☆

Ekor Ruangan:

Beberapa orang ahli Parti Kongres I (kesemuanya tua belaka kecuali seorang) kelihatan berkumpul di sebuah pejabat parti berkenaan.

Ahli tunggal yang muda itu, diketika membaca sekeping dokumen kedengaran berkata: “The trouble’ dengan anda dari golongan veteran ialah bila anda merangka manifesto anda cuma berkebolehan memikirkan tentang janji-janji untuk menghapuskan kemiskinan dan pengangguran di setiap pilihanraya, tahun demi tahun.”

(Berdasarkan kepada lukisan kartun Laxman bertajuk “You Said It” seperti yang terlaris di Times of India April 27, 1982)

Catitan Khas:

Oleh kerana, “generally speaking,” orang-orang tua (sama ada di India ataupun di mana jua) udah mual kekurangan idea-idea baru, maka itulah, agaknya, yang menyebabkan mengapa kebanyakan pengundi (termasuk orang-orang politik sekali) mual menumpukan minat terhadap pemimpin-pemimpin muda....

Berkenaan dengan pemimpin-pemimpin tua, maka dengan ketubuhan penulis terbacca sebuah berita dalam akhbar “The Weekend Australian” Mei 1-2, 1982) (di bawah tajuk, “Young Libs urge ousting of ‘aged, erratic’ ministers”) yang melaporkan bahawa “Young Liberals” di Queensland sedang memujuk rakan-rakan mereka, yakni “Young Nationals” supaya mereka bersama-sama mendesak Menteri-menteri tua yang udah berkeadaan “erratic” disingkirkan dari Kabinet Parti Nasional.

Pemimpin-pemimpin “tua” yang mereka maksudkan itu, ialah Perdana Menteri Mr. Bjelke-Peterson dan Menteri Halehwal Fols Mr. Hinze — Mr. Peterson berumur 71 tahun. (Nota: “Erratic”, dalam konteks ini mungkin bermakna cara pemikiran yang kurang “steady”, yakni, di hari ini berpendirian begini dan esok berpendirian begitu, mengenal sabjek yang sama?)

☆☆☆